

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 OCTOBER 2016

Tun M dan Raja Melayu

BH-16/10/2016

Majlis Raja-Raja (MRR) tidak boleh menasihati atau mendesak Yang

di-Pertuan Agong untuk memecat Perdana Menteri kerana tiada peruntukan khusus dalam Perlembagaan yang menyatakan MRR berhak bertindak sedemikian. Itu disahkan pengamal undang-undang, Datuk Sallehudin Saidin.

Tetapi yang hairannya ialah tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad cuba mengheret Yang di-Pertuan Agong dengan menyembahkan tuntutan yang terkandung di dalam Deklarasi Rakyat serta rayuannya kepada MRR mengenai isu itu.

Rakyat tidak akan lupa peristiwa 18 Januari 1993 apabila Dr Mahathir membentangkan Rang Undang-Undang Akta Perlembagaan (Pindaan)

1993 di Dewan Rakyat. Waktu itu, beliau menepis pendapat bahawa Raja Melayu diperlukan untuk melindungi orang Melayu.